

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 07 Januari 2017

MUKA SURAT: 11

Lebih 40 individu ditipu beli rumah PPR

TANJONG KARANG 6 Jan. - Lebih 40 individu telah menjadi mangsa penipuan pembelian rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dijalankan oleh pihak tidak bertanggungjawab melibatkan kerugian sehingga RM250,000.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya menerima aduan daripada pelbagai pihak yang mendakwa ditipu beberapa individu yang menjual borang permohonan PPR dengan menjanjikan rumah tersebut.

Menurut Noh, individu terbabit memperdayakan mangsa dengan mendakwa dia mempunyai kenalan dalam kalangan orang atasan atau menggunakan nama UMNO untuk mendapatkan rumah berkenaan.

"Sejak akhir-akhir ini ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menjual borang PPR antara RM2,000 hingga RM10,000 dengan janji akan mendapat rumah itu.

"Sebenarnya borang ini diberikan percuma oleh kera-

jaan dan hasil semakan kita ke atas nama mangsa, ada di antara mereka telah ditolak permohonan serta ada juga yang borang tidak dihantar langsung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Kelestarian Warisan Alam di Kampung Sungai Sireh di sini hari ini.

Sehubungan itu, Noh mengingatkan orang ramai supaya tidak mudah terpengaruh dengan harga murah dan tawaran menarik yang dijanjikan pihak tertentu tanpa usul periksa.

Jelasnya, kementerian mempunyai tapisan ketat bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja akan ditawarkan PPR atau program bantuan lain.

"Penipuan seperti ini telah lama berlaku dan ia terbongkar selepas pembeli tidak mendapat rumah sebelum membuat aduan kepada kementerian.

"Saya juga percaya lebih ramai mangsa yang telah tertipu tetapi tidak tampil ke hadapan dan saya meminta mereka membuat aduan kepada kita atau terus kepada polis," ujarnya.